

Abuse - Wife Abuse  
p: 130-131

# Penderaan wanita masih berlaku

## Kes 1

**Noraini** (nama samaran) dibesarkan oleh ibu dan bapa saudara setelah kematian ibu sejak berusia empat tahun. Dia dikahwinkan dalam usia yang masih muda iaitu 15 tahun. Bagaimanapun perkahwinan mereka cuma bertahan dua bulan. Ketika berusia 18 tahun, Noraini berkahwin kali kedua dengan seorang tentera. Setahun kemudian dia melahirkan anak perempuan diikuti dua lagi anak lelaki dan perempuan pada tahun-tahun berikutnya.

Selepas kelahiran anak ketiga, kehidupan Noraini mula berubah. Suatu hari ketika ketiadaan suami, rumah mereka telah dimasuki seorang lelaki yang cuba memperkosanya.

Malang sekali Noraini dituduh berlaku curang, malah suami telah memburuk-burukkan namanya di sekitar kem menyebabkan Noraini berasa malu. Melalui pegawai atasan, Noraini meminta suaminya ditukarkan ke tempat lain.

Setelah melahirkan anak keempat, rumah tangga yang dibina mula retak. Suaminya jarang pulang ke rumah dan sering mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang suami dan bapa.

Untuk mengatasi masalah, Noraini terpaksa bekerja dan sering sakit. Ketika itu suami membawa pulang teman wanita ke rumah. Noraini malu dan melarikan diri ke rumah ibu dan bapa saudara.

Bagaimanapun setelah dipujuk oleh suami, dia kembali bersama suami. Harapannya supaya suami berubah, tetapi apa yang berlaku selepas itu lebih teruk. Bukan sahaja hatinya disakiti, tetapi juga dia kerap dipukul dan diperlakukan tanpa belas kasihan. Disebabkan tidak tahan diseksa, dia meminta cerai tetapi suaminya enggan.

Pada suatu hari suaminya membawa pulang seorang bayi dan menyuruh Noraini menjaganya. Walaupun dia tahu anak itu adalah hasil hubungan sulit dengan wanita lain, Noraini tetap menjaganya dengan harapan suami akan berubah.

Noraini pernah meminta suami menjalani vasktomi tetapi ditolak dan dalam masa yang sama terus berfoya-foya bersama perempuan lain.

Kesabaran Noraini semakin menipis, lebih-lebih lagi ketika

**Bagaimanapun** setelah dipujuk oleh suami, dia kembali **bersama** suami. **Harapannya** supaya suami berubah, tetapi apa yang berlaku **selepas** itu lebih **teruk**. Bukan sahaja hatinya disakiti, tetapi juga dia kerap **dipukul** dan **diperlakukan** tanpa belas kasihan. Disebabkan **tidak** tahan **diseksa**, dia meminta cerai tetapi suaminya **enggan**

itu dia hamil. Dia pernah cuba menggugurkan kandungan kerana begitu tertekan. Disebabkan terlalu marah, tanpa disedari Noraini mengangkat buaian dan mencampakkannya ke lantai dan meninggal dunia.

Disabitkan kesalahan itu, Noraini dihukum penjara 12 tahun. Sehingga kini sudah tiga tahun dia tidak berjumpa dengan anak-anak. Janji suami untuk mendapatkan peguam bagi membelanya hanya tinggal janji.

## Kes 2

**Leela** (nama samaran) berkahwin di usia 15 tahun. Selepas enam bulan berkahwin, dia mula dipukul oleh suami. Keadaan menjadi semakin teruk setelah empat tahun berkahwin. Dia sering menjadi mangsa sepak terajang dan dipijak-pijak terutama apabila suaminya mabuk, kemudian dihalau.

Apabila pulang ke rumah pada keesokan hari, dia dituduh berlaku curang. Disebabkan tidak tahan dengan sikap suami, Leela telah membuat aduan kepada polis dan dihantar ke hospital untuk mendapat rawatan.

Bagaimanapun penderaan yang dialami tetap berterusan. Kerana tidak sanggup lagi diperlakukan sesuka hati, Leela mengambil keputusan meninggalkan suami.

Kes ini kemudian dirujuk kepada pertubuhan wanita. Keadaan fizikalnya ketika itu begitu teruk sehingga dia tidak mampu bercakap.

Sekali lagi Leela membuat aduan polis dan memberikan surat salinan aduan itu kepada pertubuhan wanita berkenaan. Dengan bantuan kebajikan masyarakat, Leela cuba mendapatkan Interim Protection Order (IPO) ke atas suami.

Sewaktu menunggu IPO itu, suaminya mengancam untuk membunuhnya dan anak-anak mereka yang seramai dua orang. Setelah puas berusaha Leela berjaya mendapatkan haknya.

### Kes 3

**Hani** (nama samaran) telah berkahwin selama 10 tahun dan mempunyai tiga orang cahaya mata berusia antara enam dan sembilan tahun. Sejak awal perkahwinan, suami yang membuat semua keputusan dalam rumah tangga.

Suaminya sering memberitahu Hani supaya menjadi isteri dan ibu yang baik, menjaga anak-anak dan membuat kerja rumah.

Kali pertama dia dipukul ketika sedang mengandung anak pertama. Ketika itu dia baru sahaja pulang dari rumah ibu Hani dan kelihatan amat marah. Hani fikir, kemarahan itu disebabkan dia terlupa membeli makanan yang dimahukan oleh suami hingga menyebabkan suami meradang.

Dia tidak sedikit pun menyangka perbuatan itu akan berterusan. Tetapi ternyata sangkaannya meleset. Sejak itu, suami sering memukul, mencekik dan mendera tanpa sedikit pun rasa simpati.

Apabila Hani melakukan perkara yang tidak disukai seperti melawat ibu atau berbual dengan kawan di telefon, dia akan memanggil Hani pelacur dan banyak lagi panggilan yang cukup menyakitkan hati.

Dia juga sering mengugut akan membawa anak-anak ke rumah ibunya jika Hani tidak menjadi ibu yang baik. Suami turut melarang Hani bekerja walaupun anak-anak sudah bersekolah, walaupun Hani mempunyai kelulusan yang melayakkannya mendapat pekerjaan.

Selain itu suami juga tidak membenarkan Hani menyimpan wang sendiri kecuali untuk membeli barang-barang keperluan dapur. Bukan itu sahaja lelaki itu seorang yang kuat cemburu.

Beberapa bulan yang lalu, dia memarahi Hani kerana pulang lambat dari kedai, malah menuduh isteri berlaku curang dan berjumpa dengan lelaki lain. Selepas itu dia bertanya kepada anak-anak sama ada mereka pernah melihat

saya berbual dengan lelaki lain atau tidak, tetapi anak-anak menafikan.

Dia meracun fikiran anak-anak dengan mengatakan Hani gila dan perlu sering diperhatikan. Tidak lama selepas kejadian, Hani dan suami menghadiri majlis yang dianjurkan oleh rakan sekerja.

Di situ Hani berkenalan dengan isteri salah seorang daripada rakan sekerja suaminya dan mereka sempat berbual panjang. Dengan tidak semena-mena, suaminya datang dan menarik Hani dengan agak kasar sambil mengajaknya pulang.

Hani faham suaminya dalam keadaan amat marah ketika itu. Apabila sampai di rumah, dia bertindak memecahkan bingkai gambar Hani bersama kawan-kawan ketika belajar di universiti dan melemparkan ke dinding. Dia mengingatkan Hani perkara tersebut akan terus berlaku sekiranya isteri terus mengingkari arahan.

Tidak lama selepas itu suami pulang lewat dan membawa kawan-kawan bersama. Keriuhan mereka membuatkan Hani terjaga. Dalam gurauan bersama mereka, dia memanggil Hani dengan panggilan yang menyakitkan.

Setelah kawan-kawannya pulang, suami memaksa Hani melakukan hubungan seks walaupun ketika itu isteri tidak sihat.

Baru-baru ini Hani cuba berbincang dengan suami untuk mencari jalan penyelesaian dan apa yang dilakukan selama ini. Malangnya suami tidak mengaku kesalahan sendiri dan menuduh Hani yang bersalah kerana tidak menjadi isteri dan ibu yang baik.

Walaupun Hani mencintai suami, tetapi dia sudah tidak mampu lagi untuk terus tinggal bersama lelaki itu. Kelakuan suami, seolah-olah mahu membunuh Hani, anak-anak dan dirinya sendiri.

Namun Hani serba salah kerana tidak mempunyai tempat untuk dituju, tidak mempunyai pekerjaan, apatah lagi wang. W

Kali pertama dia **dipukul** ketika sedang **mengandung** anak pertama. Ketika itu dia **baru** sahaja **pulang** dari rumah ibu Hani dan kelihatan amat **marah**. Hani fikir, **kemarahan** itu disebabkan dia terlupa membeli **makanan** yang **dimahukan** oleh suami hingga menyebabkan suami **meradang**